

29 JUN 1998

SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN AS KUNJUNGI DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 29 Jun (Bernama) -- Setiausaha Perbendaharaan Amerika Syarikat Robert Rubin hari ini mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Jabatan Perdana Menteri di sini.

Sebelum itu, Rubin menghadiri dialog tertutup mengenai "Respons Kepada Krisis Asia" yang dianjurkan oleh Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS). Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim turut hadir pada dialog itu.

Rubin mengadakan pertemuan dengan Anwar yang juga Menteri Kewangan, semalam.

Rubin dijadual mengadakan persidangan berita petang ini sebelum berlepas ke Thailand.

Lawatan dua hari ke Malaysia merupakan sebahagian daripada lawatan kedua beliau ke rantau Asia Pasifik. Beliau akan melawat Korea Selatan selepas Thailand.

-- BERNAMA

HAK SHO RHM